

23/03/1998

Kikis sikap terlalu emosi

BUKIT MERTAJAM, Ahad - Ahli Umno dinasihatkan tidak terlalu mengikut emosi, sentimen dan kepentingan diri ketika menilai sesuatu keputusan atau situasi yang berlaku dalam parti.

Ketua Penerangannya, Datuk Dr Yusof Noor, berkata sebaliknya, ahli Umno perlu tanamkan sifat yakin terhadap pemimpin dan tidak sangsi terhadap mereka terutama mengenai keputusan yang dibuat berkaitan parti.

"Dalam menghadapi keadaan ekonomi masa kini, kita perlu kikis sikap terlalu mengikut emosi, sentimen serta kepentingan diri yang keterlaluan, sebaliknya perlu lebih tenang dan berpandangan jauh," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Bukit Mertajam di Wisma Umno di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Bahagian yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Yusof berkata, perasaan kurang senang sesetengah pihak terutama selepas pengumuman Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya semua ahli Majlis Tertinggi (MT) tidak dicabar atau ditandingi seharusnya tidak berlaku.

"Pemimpin parti sudah pasti mempunyai alasan sendiri hingga mengambil keputusan untuk mengumumkan arahan berkenaan dan ia sama sekali tidak mengubah matlamat perjuangan parti.

"Oleh itu, sebarang tindakan berasaskan emosi, sentimen dan kepentingan diri perlu dikurangkan, sebaliknya korbankan ia semata-mata untuk menjamin keutuhan parti," katanya.

"Hubungan rapat di antara ahli parti sebagai satu keluarga dengan keahlian seramai 2.7 juta menerusi 157 bahagian perlu diperkukuhkan supaya tumpuan terhadap usaha memastikan tidak ada pihak yang cuba mengambil kesempatan yang boleh melemahkan kedudukan parti dalam menghadapi sebarang situasi," katanya.

Beliau juga mengingatkan ahli Umno tidak menganggap semua anggota MT yang tidak ditentang dalam mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing bersikap sombong dan bongkak.

"Tidak sedikit pun terlintas di hati kami (MT) bahawa kami bongkak dan sombong atau merasa lega berikutan keputusan yang dibuat pemimpin tertinggi parti," katanya.

(END)